

Newspaper	Berita Harian
Date	10 October 2015



Najib menerima tandatangan perwakilan yang menyokong kepemimpinannya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS Ke-42 di PWTC, Kuala Lumpur, semalam yang turut dihadiri Ahmad Shabery (dua dari kiri), Tajuddin dan Saipolbahari.

BH-10/10/2015

(FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH)

Tambah Agro Bazaar Rakyat

» **Bahan makanan dijual pada harga berpatutan: PM**

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan sedia memberikan peruntukan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi memperbanyakkan penebuan Agro Bazaar Rakyat di seluruh negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata langkah itu akan memanfaatkan orang ramai yang berpeluang mendapatkan bekalan makanan

dengan harga berpatutan.

"Kita akan perkasakan. Kita bukan sahaja memastikan bekalan makanan mencukupi tetapi kita nak pastikan harga bekalan berkenaan termasuk ayam, ikan dan daging serta sayuran berpatutan.

Kurangkan beban rakyat

"Antara perkara yang menjadi perhatian rakyat pada masa ini ialah mengenai kos sara hidup. Di mana-mana tempat pun, mereka selalu menyebut mengenai kos sara hidup," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) Ke-42 di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, Menteri Pertanian dan Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; timbalannya, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman dan Nogh Gumbek serta Penge-

rusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Seri Saipolbahari Suib.

Najib turut menyarankan supaya hasil eksport pertanian negara di perluaskan menerusi kerjasama dengan rang-

"Kita bukan sahaja memastikan bekalan makanan mencukupi, tetapi kita nak pastikan harga bekalan berkenaan termasuk ayam, ikan dan daging serta sayuran berpatutan"

Najib Razak,
Perdana Menteri

kaian pasar raya besar di peringkat antarabangsa untuk meluaskan pasaran produk tempatan.

"Bidang pertanian tidak terhad kepada sempadan negara kita sahaja.

Teroka pasaran luar

"Kita boleh salurkan produk kita memasuki pasaran luar negara termasuk di Asia Barat," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Saipolbahari berkata, NAFAS menasaskan keuntungan kumpulan sebanyak RM170 juta tahun ini selepas berjaya mencatat RM125.17 juta tahun lalu.

Katanya, dengan keuntungan itu NAFAS berupaya membayar dividen dana peladang kebangsaan sebanyak 10 peratus selama dua tahun berturut-turut.